

Pusat bersikap adil terhadap Sabah

Kota Kinabalu: Kerajaan Persekutuan bersikap adil terhadap Sabah dengan memperuntukkan sumber kewangan yang saksama bagi pembangunan negeri ini menerusi Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12).

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata beliau sedar ada jurang besar dalam pembangunan di Sabah berbanding negeri lain di Semenanjung.

Justeru, selaras matlamat Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 untuk menyediakan taraf hidup yang wajar kepada rakyat Malaysia, tumpuan pihaknya adalah memastikan pembangunan seimbang dilaksanakan termasuk di Sabah.

“Ini penting bagi memastikan setiap lapisan masyarakat dapat menikmati pembangunan adil dan saksama berdasarkan konsep ‘kemakmuran bersama’ atau *shared prosperity*.

“Jadi, kerajaan menekankan layanan adil dalam pembentukan dan perancangan RMKe-12 dengan memperuntukkan sumber kewangan yang saksama dalam pembangunan negeri ini,” katanya berucap pada program Sesi Balai Rakyat ‘Makmur Bersama Sabah 2030’ di Pusat Pentadbiran Negeri Sabah, di sini, semalam.

Muhyiddin berkata, peruntukan dalam RMKe-12 merangkumi hampir semua aspek bagi merencanakan pembangunan ekonomi, pembangunan luar bandar, pelaksanaan pakej rangsangan ekonomi dan peluang pelaburan di Sabah.

“Pada Rolling Plan Pertama (RP1) 2021 RMKe-12, sebanyak 1,039 projek pembangunan dengan peruntukan RM5.01 bilion

sudah diluluskan khusus untuk Sabah bagi pelaksanaan projek merentasi pelbagai kementerian dan agensi kerajaan.

“Antara projek pembangunan utama di Sabah yang sedang dilaksanakan ialah Lebuhraya Pan Borneo Sabah, projek pembesaran Pelabuhan Kontena Sapangar Bay menaik taraf 50 sekolah daif secara sistem binaan berindustri (IBS) dan projek jalan perhubungan desa Sabah.

“Usaha kerajaan turut tertumpu dalam menangani kemiskinan dan memperkukuh pembangunan inklusif di Sabah seperti Program Khas Anak Negeri (PKAN) Sabah merangkumi tiga kluster iaitu Native Customary Mahkamah Adat dan Pembangunan Modal Insan yang dilaksanakan di bawah RP1 2021,” katanya.

Perdana Menteri turut membangkitkan mengenai potensi besar Sabah menarik pelaburan dari dalam dan luar negara berikutan kedudukannya yang strategik di rantau ini, selain mempunyai kekayaan sumber asli.

Perdana Menteri berkata, ini dapat dibuktikan antara lain dengan Pelabuhan Kontena Teluk Sepanggar di Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur-Brunei-Indonesia-Malaysia (BIMP-EAGA) yang berpotensi menarik pelaburan asing bagi meningkatkan peluang pekerjaan dan taraf sosio-ekonomi rakyat di Sabah.

Sementara itu, dalam program lawatan dua hari beliau ke Sabah, Muhyiddin semalam turut meninjau Pusat Vaksinasi COVID-19 Kota Kinabalu di Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, di sini.